

02/04/1997

Lanskap terancang imbangi pembangunan

MENYEDARI pentingnya kehijauan negara terpelihara dan rakyat hidup sihat di negara tropika ini, kerajaan mahu supaya aspek lanskap diwajibkan dalam setiap pembangunan.

Jika diimbangi kembali penekanan aspek lanskap oleh kerajaan, ia adalah suatu pendekatan 'fast track' yang tidak didapati oleh mana-mana negara pun apatah lagi sasarannya cuma tinggal lapan tahun daripada sekarang. Soalnya kenapa kerajaan mahu menanam pokok secara besar-besaran di negara hutan tropika ini?

Sebenarnya, pembangunan lanskap berkait rapat dengan kehidupan penduduk di dalam sesebuah negara. Dari sudut perundangan, Malaysia sudah mempunyai akta yang mengawal pembangunan fizikal melalui Akta Perancangan Bandar dan Desa sejak 1976. Pindaan dibuat ke atas akta itu pada 1995 untuk memasukkan beberapa peraturan berkaitan dengan lanskap. Tetapi istilah lanskap itu sendiri mempunyai pelbagai definisi dan pendekatan mengikut senario sesebuah negara.

Di England misalnya, lanskap secara tradisinya bermaksud estetika atau keindahan visual. Penekanan kepada keindahan taman dan warisan menjadi amalan hidup mereka. Tidak hairanlah negara itu sehingga kini terkenal dengan kesan sejarah dan tamadun yang mementingkan aspek itu. Di Amerika pula, ia bermaksud mencipta ruang untuk kesejahteraan awam. Mereka mendapat pengajaran dari England mengenai kemerosotan hidup masyarakat ketika industri akibat daripada tindakan lanskap arkitektur di sana juga lebih mementingkan pembangunan fizikal di dalam keghairahan mengejar kemajuan.

Hanya pada dekad 60-an, timbul satu gerakan yang bersepadu di Amerika Utara dan Eropah apabila lanskap ruang harus dirancang dengan sensitif dan dihormati asas kejadiannya. Pemilikan ini pada mulanya wujud seawal kurun ke-20 yang disemarakkan oleh Ian Mac Harg di Amerika menerusi teorinya Design With Nature.

Gerakan reformasi ini meniupkan semangat baru kepada definisi lanskap. Tetapi malangnya dua dekad berikutnya menyaksikan tentangan oleh kerajaan yang mempunyai sumber semula jadi negara itu. Hasilnya ciri semula jadi menjadi korban pembangunan dan perbandaran.

Bagaimana pula pendekatan kerajaan mengenai isu lanskap negara ini? Pada hemat saya, Malaysia mengorak langkah segera dan tepat untuk menangani persoalan lanskap di dalam mengejar status negara maju. Kesungguhan Dr Mahathir yang mahukan aspek lanskap menjadi satu agenda penting negara mencerminkan wawasannya yang pragmatik dan tidak berpura-pura. Dasar yang dibawa kerajaan negara melenyapkan pandangan serong negara maju mengenai keupayaan negara membangun seperti Malaysia untuk mengimbangi pembangunan dan pengekalan alam sekitar.

Barat sebenarnya tidak menitikberatkan soal lanskap ketika keghairahan mereka menjadi negara maju. Lanskap disempitkan pengertiannya semata-mata hanya aspek visual dan hiasan. Apabila diwartakan definisi sempit itu, usaha hanyalah tertumpu kepada 'Street Beautification Program' atau 'City Beautification Plan'. Dalam pengertian ringkas ia adalah usaha baik pulih atau pengindahan kepada kawasan yang dibangunkan. Perancangan lanskap yang menyeluruh langsung tidak difikirkan kerana dikatakan membantutkan proses pembangunan negara.

Tetapi lanskap yang ingin diamalkan Malaysia hendaklah sesuatu yang memenuhi kehendak masyarakat setempat. Seboleh-bolehnya jangan kita

menyempitkan penakrifan lanskap Malaysia sebagai pokok dan tanaman hiasan atau taman. Jika itu pengertian, bermakna kita hanyalah menekankan aspek estetika dan visual saja.

Tetapi jika lanskap itu dianggap satu proses kejadian alam dan manusia adalah sebahagian daripadanya, menghormati dan mengayakannya untuk kemajuan dan kesejahteraan penghuninya, maka pendekatan kita haruslah menerusi perancangan lanskap yang menyeluruh merangkumi ekonomi, perancangan bandar, kejuruteraan, sosiologi, seni dan budaya, geografi, demografi dan alam sekitar.

Pengajaran dari Barat dan barangkali dari negara kita sendiri menunjukkan jika kita mengabaikan asas kejadian alam yakni bagaimana sesuatu lanskap terjadi di muka bumi maka terlalu banyak kos yang terpaksa ditanggung bagi memperbaiki kesalahgunaan tanah.

Kita mungkin tidak sedar bahawa bandar dan proses perbandaran terbina daripada kawasan lanskap yang asalnya mempunyai ekosistem yang seimbang. Hanya apabila kawasan ini dibuka untuk pembangunan ia mengakibatkan manusia tidak dapat mengimbangi guna tanah berdasarkan perancangan lanskap yang sensitif.

Hakisan tanah, banjir kilat, kurang kawasan rekreasi yang berkualiti, pencemaran air dan bahang matahari akhirnya menjadi topik utama saban hari.

Kempen yang dijalankan Kementerian Perumahan dan Kemajuan Tempatan melalui Jabatan Lanskap Negara harus dipuji. Ini adalah pendekatan jangka sederhana untuk menggerakkan rakyat supaya menghayati dan menghargai alam sekeliling mereka. Kerana melalui penghayatan begini masyarakat akan sedar pentingnya pokok dalam pembangunan individu, keluarga, masyarakat dan negara. Manakala jangka panjangnya pula, saranan Perdana Menteri mengenai pewujudan peraturan atau akta khusus mengenai landskap harus menjadi 'fast-track' kedua kementerian pula.

Sudah sampai waktu kerajaan mewujudkan akta menyeluruh mengenai lanskap. Satu definisi lanskap juga hendaklah dicipta dan diwartakan untuk Malaysia supaya seluruh rakyat sepakat mengenai maknanya. Definisi ini harus difahami oleh warga korporat dan pemaju.

Di samping itu, saya berpendapat seluruh rakyat harus menggerakkan tenaga dan usaha mengisi hasrat murni kerajaan ini. Seperti kata Perdana Menteri, usaha ini tidak harus dipikul oleh kerajaan semata-mata. Semua pihak harus responsif dan memberikan sumbangan.

Di bidang pendidikan umpamanya, fungsinya menampakkan hasil apabila universiti tempatan mula menawarkan program dalam bidang seni bina lanskap supaya lebih ramai profesional dapat dikeluarkan.

Institut Teknologi Mara (ITM) yang menubuhkan Jabatan Seni Bina Lanskap di bawah Kajian Seni Bina, Perancangan dan Ukur, sejak 1985 berjaya melahirkan profesional dalam bidang ini. Di sektor awam pula, kerajaan mewujudkan jawatan dalam bidang ini di peringkat Persekutuan, negeri, tempatan dan agensinya.

Malah siapa yang dapat menyangka sebuah jabatan khusus untuk perkembangan lanskap ditubuhkan dalam tempoh yang singkat.

Di sektor swasta dan korporat, fungsi yang mereka sangat dihargai. Peluang kerjaya dan latihan amali adalah sebahagian daripada sumbangan mereka.

(END)